



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah **terbuka** kepada syarikat yang **eP Enabled** dengan alamat pendaftaran di kawasan **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya** serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Tempoh **pendaftaran syarikat hendaklah masih sah** sekurang-kurangnya untuk tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh pelawaan sebut harga serta mempunyai **kemampuan kewangan** yang mencukupi dan **berpengalaman** bagi menyertai sebut harga berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	KOD BIDANG PENDAFTARAN
KWP(SH)10/2015/BPM	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SERVER, STORAN DAN MEDIA BACKUP PUSAT DATA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN SECARA KOMPREHENSIF	210102

2. Syarikat-syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah **ePerolehan enabled**. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi/dimuat turun mulai **29 APRIL 2015 (RABU)** secara percuma melalui laman web www.eperolehan.com.my.
3. **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** yang lengkap bersama dokumen sokongan hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan **SEBELUM ATAU PADA 11 MEI 2015 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** iaitu pada tarikh tutup Sebut Harga.
4. **Tawaran Teknikal** dan **Tawaran Kewangan** dikemukakan di dalam sampul surat yang berlakri/bermetri dengan nombor sebut harga dan nombor cadangan ePerolehan (Y015102020015XXXX) ditulis di penjuru atas kiri. Sampul ini hendaklah **dihantar secara manual** dan dimasukkan ke **dalam peti sebut harga SEBELUM ATAU PADA 11 MEI 2015 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** iaitu tarikh tutup sebut harga di alamat berikut:-

KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN,
ARAS 3, BLOK 2,
MENARA SERI WILAYAH,
PRESINT 2,
62100 PUTRAJAYA.
(U.P.: BAHAGIAN KEWANGAN)

5. Tawaran sebut harga yang **LEWAT DIKEMUKAKAN** melalui **Sistem ePerolehan** serta secara **Manual** tidak akan dipertimbangkan. **HARGA TAWARAN YANG DIKUNCI MASUK DI DALAM SISTEM ePEROLEHAN HENDAKLAH TANPA KENAAN GST.**

Fi Perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi yang dijana melalui sistem ePerolehan akan dikenakan kepada pembekal-pembekal/syarikat yang dilantik, tertakluk kepada had maksimum RM9,600.00 bagi setiap transaksi yang melebihi RM1.2 juta atau sebanyak 0.4% bagi setiap nilai pesanan kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM 4,800.00 bagi pesanan Kerajaan melebihi RM 1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah sistem ePerolehan.

6. **Sila patuhi syarat-syarat** sebut harga khususnya dalam melengkapkan maklumat serta pematuhan dalam mengemukakan dokumen sokongan yang ditetapkan antaranya Salinan Sijil Pendaftaran MOF dan Pengesahan Pendaftaran GST Dengan JKDM (sekiranya berdaftar).

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI ALAMAT : <http://www.kwp.gov.my> DAN www.eperolehan.com.my